

NO SOALAN :476

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN
(BAYAN BARU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah berasa yang ditaja oleh Bank Negara dalam dan luar negara, mengikut kaum, pada tahun 2009-2014. Nyatakan jumlah nilai berasa tersebut.

JAWAPAN

Jumlah berasa yang dianugerahkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) adalah berdasarkan unjuran keperluan tenaga kerja BNM. Ini adalah untuk memastikan BNM mempunyai tenaga kerja yang secukupnya dalam usaha dan pelaksanaan yang berterusan sejajar dengan mandat yang telah diamanahkan. Pemilihan calon-calon berasa untuk menghadiri

proses pemilihan adalah berdasarkan keputusan akademik mereka yang cemerlang serta tahap penglibatan dan penyertaan mereka dalam aktiviti kokurikulum dan sukan.

2. Penganugerahan biasiswa BNM adalah berdasarkan prestasi calon-calon tersebut semasa proses pemilihan yang komprehensif meliputi sesi penilaian yang menggunakan pelbagai kaedah dan sesi temuduga. Penilaian awal dilaksanakan melalui aktiviti individu dan berkumpulan, di mana mereka dinilai berdasarkan kompetensi teknikal dan kepimpinan serta nilai-nilai keperibadian yang bersesuaian dengan keperluan dan aspirasi BNM. Calon-calon yang berjaya dalam penilaian awal akan ditemuduga sebelum biasiswa ditawarkan kepada calon-calon yang berjaya.

3. Berdasarkan proses di atas, BNM telah menganugerahkan sejumlah biasiswa pra-universiti untuk pelajar mengikuti program persediaan di dalam negara dan seterusnya menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di luar negara. Pada tahun 2012 biasiswa yang ditaja oleh BNM adalah melibatkan seramai 52 orang, tahun 2013

seramai 42 orang dan tahun 2014 seramai 40 orang pelajar.